

19/08/2000

Kenyataan Chua, bakal MB jadi topik utama

Teh Kean Kiat

CADANGAN Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II), Datuk David Chua, untuk menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu menjadi tajuk hangat yang dibidas pelbagai pihak Selasa lalu, masih mendapat sokongan sesetengah pihak.

Nan Yang Siang Pau melaporkan Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat berkata, cadangan Chua hanyalah pendapat dan pendiriannya, bukannya satu tuntutan, oleh itu, semua pihak dinasihatkan jangan memperbesarkan isu itu sehingga menyebabkan akibat buruk.

Sementara itu, ketika kebanyakan pemimpin Umno membidas cadangan Chua untuk menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu, Menteri Besar Pahang dan Terengganu, masing-masing memberikan pendapat berlainan.

Menurut laporan Nan Yang Siang Pau edisi Khamis, Menteri Besar Pahang, Datuk Adnan Yaakob berkata Chua tidak menyentuh hak keistimewaan orang Melayu dan beliau hanya memberi cadangan mengenai pelbagai kaum harus memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

Selain isu hak keistimewaan, isu calon Menteri Besar Selangor juga mendapat perhatian. Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, dalam temubual eksklusif dengan China Press, Sabtu lalu, memberitahu beliau akan membuat pertimbangan semula jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ingin beliau mengambil alih jawatan itu.

Walaupun nama beliau tidak disenaraikan sebagai satu daripada 11 calon Menteri Besar, beliau tidak menafikan kemungkinan Dr Mahathir akan memilih orang di luar senarai memegang jawatan itu.

Sementara itu, China Press Ahad lalu, melaporkan kejadian di Seremban apabila seorang lelaki membakar abangnya apabila permintaan beliau mendapatkan sejumlah wang ditolak.

Dia membawa satu tong petrol ke rumah mangsa dan membakarnya hidup-hidup. Mangsa yang melecur kira-kira 80 peratus di badan, mati di Hospital Kuala Lumpur (HKL) jam 8.15 malam Sabtu lalu.

Sin Chew Jit Poh Rabu lalu, melaporkan seorang wanita berusia 60 tahun tidak menyedari dia bertemankan seorang penghuni misteri di atas silingnya sejak dua tahun lalu.

Wanita yang tinggal di rumah teres di Kluang, Johor, bersama tiga anaknya menyedari kehadiran penghuni misteri itu apabila anaknya menjumpai bantal dan selimut di atas siling pada petang Selasa.

Katanya, sejak dua tahun lalu, dia sering terbau rokok dan terdengar bunyi bisung di atas siling dan menggagapnya kucing atau tikus.

Dipercayai penghuni misteri itu ialah seorang pendatang haram dan bersembunyi di rumah berkenaan untuk mengelak daripada ditangkap polis.

(END)